

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tahap perkembangan projek Empangan Mengkuang dan adakah ia dapat disiapkan pada Julai ini. Nyatakan juga jadual pembernihan awam yang akan dilaksanakan di bahagian utara Semenanjung dan berapakah kos terlibat.

JAWAPAN

1. Pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang terbahagi kepada 3 fasa iaitu:
 - (i) Fasa 1 melibatkan Pembinaan Empangan dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan. Peratus kemajuan sebenar projek ini hingga 15 Februari 2017 adalah 94.56% berbanding jadual 94.15%. Tarikh siap sebenar dijadualkan pada 19 Mac 2017;
 - (ii) Fasa 2A melibatkan kerja-kerja Menaiktaraf Rumah Pam Mak Sulong dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan. Peratus kemajuan sebenar projek ini pada 15 Februari 2017 adalah 81.54% berbanding jadual 81.74%. Tarikh siap sebenar adalah pada 22 Mei 2017; dan
 - (iii) Fasa 2B melibatkan Kerja-kerja Penyaluran Air Mentah Dari Stesen Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua. Ia melibatkan pembinaan paip air berdiameter 1.6m sepanjang 6.58km dan kerja-kerja lain berkaitan. Status projek ini sedang dalam proses Pengambilan Balik Tanah. Kerja-kerja fizikal dijangka pada suku tahun ketiga tahun 2017.

2. Fasa 1 dan Fasa 2A dijangka dapat diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum Julai 2017.

3. Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga menjalankan Operasi Pembenihan Awan (OPA) semasa cuaca kering dan ketika kemarau berpanjangan bertujuan bagi mengelak kemerosotan paras air di empangan. Sepanjang tahun 2016, beberapa OPA juga telah dijalankan di kawasan utara Semenanjung melibatkan kawasan Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Pedu, Muda dan Beris di Kedah, Empangan Bukit Merah di Perak dan Empangan Air Itam dan Teluk Bahang di Pulau Pinang. Perancangan OPA bagi tahun 2017 bergantung kepada faktor cuaca, perubahan iklim dan permohonan daripada pihak-pihak terlibat.

4. Kementerian ini tidak mempunyai maklumat spesifik mengenai kos berkaitan OPA yang dijalankan. Tetapi ingin menyatakan bahawa kos yang diperlukan bergantung, antara lain kepada penggunaan jenis pesawat, bahan pembenihan awan dan tempoh masa yang diambil oleh pihak MetMalaysia.

Sekian, Terima kasih

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN SIM CHEE KEONG**
DARIPADA [**BUKIT MERTAJAM**]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan Pusat akan menyalurkan peruntukan RM50 juta kepada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sebagaimana dijanjikan pada tahun 2016. Nyatakan sebab kelewatan tersebut dan ke manakah wang peruntukan tersebut telah disalurkan sehingga menggagalkan hasrat tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengagihkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah berdasarkan ucapan bajet tahunan oleh YAB Perdana Menteri dan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF). Pada tahun 2016 KPM telah menerima kelulusan daripada MOF sebanyak RM70 juta bagi tujuan penyelenggaraan sekolah bantuan kerajaan. Agihan kepada sekolah-sekolah tersebut telah dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan keperluan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

SOALAN : 275

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan matlamat dan statistik kewangan yang terperinci mengenai projek *Carey Island Port City* yang dikelolakan menerusi Lembaga Pelabuhan Klang.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Pelabuhan Klang yang merangkumi terminal Pelabuhan Barat dan Utara mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata di paras 8-10% dalam tempoh 10 tahun ini. Pada tahun 2016, Pelabuhan Klang mencatatkan kendalian kontena sebanyak 13.2 juta TEUs (*twenty-foot equivalent unit*) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 11.8 juta TEUs. Ini menjadikan Pelabuhan Klang diiktiraf sebagai pelabuhan ke-12 paling sibuk di dunia.

Dalam usaha menggiatkan pembangunan masa hadapan Pelabuhan Klang, Kerajaan telah menjalankan Kajian Pelan Induk Pembangunan Pelabuhan Klang (*Port Klang Development Master Plan Study*) 2010-2030. Kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang ketika ini adalah sebanyak 16.2 juta TEUs. Berdasarkan kajian tersebut, Pelabuhan Klang akan mencapai tahap keupayaan kendalian kontena yang maksimum menjelang tahun 2025. Kajian tersebut mengesyorkan supaya perancangan rapi perlu dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pengendalian kontena di Pelabuhan Klang bagi membolehkan Pelabuhan Klang kekal berdaya saing dengan pelabuhan serantau yang lain khususnya Pelabuhan Singapura.

Sehubungan itu, cadangan untuk mewujudkan pelabuhan di Pulau Carey masih diperingkat penggubalan dasar Kementerian dengan mengambil kira cadangan tersebut perlu diperhalusi daripada aspek penilaian dan perolehan tanah, model pembangunan dan model operasi pelabuhan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
DARIPADA [BATU PAHAT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah mengikis sikap dan amalan pendidikan sebagai "suatu proses lulus periksa dan mengejar sijil" semata-mata.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pendidikan di sekolah yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bertujuan melahirkan murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pendidikan juga membekalkan murid dengan pengetahuan dalam bidang sains, matematik, teknologi dan sains sosial untuk membolehkan murid dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dunia yang pesat. Perkara ini selari dengan hasrat PPPM 2013-2025 untuk melahirkan murid dengan Enam Aspirasi yang mampu berdaya saing dan berupaya menghadapi cabaran semasa dan mendepani masa depan.

Kurikulum yang sedang digunakan oleh semua sekolah rendah dan menengah menitikberatkan perkembangan murid yang menyeluruh dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kurikulum tersebut menekankan seseorang murid menerima pendidikan yang menyeluruh dan seimbang. Penguasaan ilmu dan kemahiran diberi perhatian sebagai persediaan untuk pendidikan lanjutan dan menceburi alam pekerjaan.

Dalam usaha mengikis sikap mengutamakan peperiksaan, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah dilaksanakan. PBS membolehkan guru lebih mengenali murid dan pentaksiran dapat dilaksanakan dengan lebih bermakna. Murid tidak lagi ditekankan dengan kaedah pembelajaran menghafal kerana guru menggunakan kaedah pentaksiran formatif untuk memastikan murid mengalami proses pembelajaran. Murid juga mendapat maklum balas segera setelah tamat pentaksiran dengan itu penambahbaikan dapat dilakukan segera.